

UPPSiKS Anjur Bengkel "Mastering Research Level 1"

Terakhir dikemaskini: Rabu, 18 Mac 2020 15:53 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 157



RABU, 18
MAC -
Unit

Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial (UPPSiKS) telah menganjurkan bengkel "Mastering Research Level 1" baru-baru ini di Bilik Mesyuarat Abdul Halim Othman, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Menurut Ketua UPPSiKS, Profesor Madya Dr. Muhammad Idris Bullare @ Haji Bahari, bengkel tersebut diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar serta pensyarah untuk mendalami ilmu penyelidikan dan juga menambah pengetahuan dalam bidang ini.

"Ini kerana setiap penyelidikan yang dilakukan perlu melalui beberapa proses yang tertentu.

"Bengkel ini juga sebagai persediaan kepada pelajar prasiswazah apabila mereka menceburি bidang penyelidikan dan menjadi asas dalam penyelidikan," katanya.

Bengkel yang disertai oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah dan prasiswazah UMS dan luar UMS serta pensyarah UMS dikendalikan oleh professor dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Profesor Dr. Zainudin Awang

